

Penggunaan Strategi '4P' dan 'IBU' untuk Perbualan Lisan yang Lebih Berkesan

Durrah Ahmad

durrah_ahmad@moe.edu.sg

Faridah Abdul Hamid

Sekolah Rendah Cedar
faridah_abdul_hamid_a@moe.edu.sg

Abstrak

Komunikasi adalah satu proses interaktif yang dinamik yang melibatkan perkongsian fakta, idea, pemikiran, perasaan dan nilai-nilai secara berkesan. Dalam komuniti pembelajaran profesional didapati bahawa para murid mempunyai kesukaran untuk bertutur, mengembangkan idea-idea dan menyampaikan pemikiran mereka dalam Bahasa Melayu dengan berkesan. Untuk menyediakan para murid agar menjadi pengguna dan penutur Bahasa Melayu yang berkesan, strategi '4P' (Pengalaman, Perasaan, Peristiwa, Pendapat) untuk menyampaikan idea-idea yang berbentuk naratif, dan strategi 'IBU' (Isi, Bukti, Ulasan) untuk menyampaikan idea-idea yang lebih berbentuk faktual telah dilaksanakan. Strategi-strategi ini dijadikan garis panduan untuk membimbing dan membantu murid mengembangkan idea-idea mereka dan menyusun idea-idea mereka dengan lebih teratur dan bertautan. Pelaksanaan strategi-strategi '4P' dan 'IBU' telah dapat meningkatkan keyakinan diri murid dalam penggunaan Bahasa Melayu.

Kata kunci

Perbualan Lisan, 4P, IBU, Naratif, Keyakinan Diri

PENGENALAN

Murid sering berfikir bahawa keupayaan untuk bertutur dalam bahasa Melayu adalah hasil daripada pembelajaran bahasa, tetapi sebenarnya keupayaan bertutur dalam bahasa tersebut juga penting dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa.

Keupayaan bahasa lisan seseorang kanak-kanak bergantung kepada pendedahan yang diterimanya daripada persekitaran selain daripada keupayaan kognitif. Pendedahan daripada persekitaran yang mereka terima boleh dalam bentuk interaksi dua hala dan kekerapan berlakunya interaksi tersebut.

Oleh itu, amat penting untuk bagi guru menyediakan peluang-peluang untuk berinteraksi yang lebih luas kepada kanak-kanak untuk membantu mereka menguasai bahasa lisan dengan cekap (Anuar, 2009).

Menurut Palmer (2011), seorang penyampai yang berkesan mampu:

- menyampaikan idea dan pendapatnya dengan sewajarnya untuk memberitahu, menjelaskan atau memujuk si pendengar;
- menyusun idea-ideanya lengkap dengan pengenalan, isi dan kesimpulan disampaikan dengan berkesinambungan beserta bukti-bukti untuk mengukuhkan lagi idea-idea mereka; dan
- menggunakan perbendaharaan kata dan penyampaiannya disesuaikan berdasarkan topik yang diberi dan siapa pendengarnya.

Seorang pengajar yang berkesan akan mengajar pelajarannya:

- memahami kehendak soalan;
- bertutur menggunakan strategi;
- memberikan respons yang ringkas dan bernas;
- memahami kehendak soalan;
- menggunakan bahasa tersebut untuk membantu diri mereka mengembangkan pengetahuan mereka; dan
- meningkatkan keyakinan mereka dalam penggunaan bahasa tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

Pelajar-pelajar Sekolah Rendah Cedar didapati tidak mampu untuk memberikan idea-idea yang bernas mahupun mengembangkan idea-idea mereka sewaktu peperiksaan lisan. Mereka sering memberikan *one-liner answers* dan ini menjejaskan markah mereka sewaktu peperiksaan. Mereka juga menghadapi beberapa

masalah ketika menjawab soalan-soalan lisan, antaranya ialah:

- ketandusan idea;
- tidak mempunyai kosa kata bahasa Melayu yang luas;
- tidak memahami soalan yang diberikan; dan
- tidak mempunyai keyakinan diri.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk:

1. meneliti masalah yang dihadapi murid-murid sewaktu menjawab soalan lisan; dan
2. memberikan murid panduan yang boleh mereka gunakan untuk membantu mereka memikirkan dan mengaturkan idea-idea mereka dengan lebih jelas dan padat sewaktu peperiksaan lisan.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Vygotsky (1978), perancangan atau scaffolding dalam pembelajaran penting untuk membantu murid secara bertahap-tahap. Dengan adanya perancangan, murid dapat mengikuti langkah-langkah pembelajaran dengan jelas bagi menguasai sesuatu kemahiran.

Zamri (2012) pula menyatakan terdapat enam kepentingan interaksi penyoalan lisan kepada guru dan melaksanakannya di dalam bilik darjah. Enam kepentingan interaksi penyoalan lisan itu adalah seperti berikut:

1. memberi fokus kepada murid;
2. meluaskan pemikiran;44
3. meningkatkan mutu pemikiran murid;
4. mengarah dan memandu pemikiran murid;
5. meningkatkan penglibatan murid; dan
6. membina pengetahuan asas murid.

Berdasarkan pandangan para pengkaji terdahulu, kami telah mereka bentuk strategi-strategi '4P' dan 'IBU' untuk membimbing murid mengembangkan idea-idea mereka lalu menyusun dan menyampaikannya dengan lebih tersusun.

KAEDAH KAJIAN

Kajian Pengajaran yang bertujuan meneliti permasalahan pembelajaran yang

dihadapi murid berdasarkan markah-markah peperiksaan mata pelajaran Bahasa Melayu mereka dan juga melalui pengamatan para guru. Maklum balas daripada murid-murid mengenai masalah yang mereka hadapi semasa menjawab soalan lisan telah dikumpulkan.

SUBJEK KAJIAN

Kitaran Pertama Kajian Pengajaran ini melibatkan 11 orang murid darjah 6, 19 orang murid darjah 5 dan 18 orang murid darjah 4, dalam tiga pusingan yang berbeza dalam 2013.

Kitaran kedua melibatkan 19 orang murid darjah 5 dan 19 orang murid darjah 6 dalam 2014, telah dijalankan untuk meneliti pencapaian para murid dan keberkesanan strategi-strategi yang digunakan.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen Kajian utama bagi kajian ini ialah penelitian dan pemantauan. Pemerhatian oleh rakan-rakan pengkaji yang lain sewaktu Kajian Pengajaran dijalankan dan penggunaan rubrik untuk menilai jawapan-jawapan murid sewaktu peperiksaan turut digunakan. Selain daripada itu, perbandingan markah Peperiksaan Pertengahan Tahun 2013, Peperiksaan Akhir Tahun 2013 dan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2014, dijadikan kayu ukur bagi menilai keberkesanan kajian ini.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian Pengajaran ini dimulakan dengan kitaran pertama yang menggunakan strategi 'PREP'. Strategi ini telah diadaptasikan daripada strategi berpidato Ricketts & Ricketts (2011). PREP ialah akronim bagi *Point, Reason, Example, Point*.

Setelah pusingan pertama ini dijalankan dengan murid-murid darjah 6 (2013), guru-guru mendapati strategi ini tidak sesuai bagi tajuk-tajuk perbualan yang berbentuk naratif. Oleh itu bagi kitaran kedua, guru-guru telah mengubah suai strategi tersebut dan mempermudahkannya untuk disesuaikan untuk murid-murid sekolah rendah. Maka, terhasillah strategi 'IBU'. Strategi 'IBU' adalah akronim bagi *Isi, Bukti, Ulasan*.

Bagi menangani isu menjawab tajuk-tajuk berbentuk naratif pula, guru-guru telah memperkenalkan strategi '4P'. '4P' adalah akronim bagi Pengalaman, Perasaan, Peristiwa menarik, Pendapat.

Guru-guru memperkenalkan dan mengajar strategi-strategi ini kepada para murid beserta contoh-contoh perbualan yang baik kepada para mereka. Para murid kemudiannya diberi tajuk-tajuk berbentuk deskriptif dan naratif. Berdasarkan strategi-strategi 'IBU' dan '4P', murid-murid dikehendaki melakarkan respons-respons mereka secara bertulis. Kaedah menulis respons mereka ini akan memberikan kesan visual kepada para murid untuk menilai kualiti respons mereka dan meneliti kesinambungan dan pengembangan idea-idea mereka.

Tahap kedua pula, murid-murid berlatih dengan pasangan masing-masing. Mereka kemudian akan menilai respons rakan-rakan mereka menggunakan rubrik yang diberikan oleh guru. Respons yang baik ialah apabila rakan-rakan mereka dapat mengenal pasti isi-isi respons pasangan mereka dan mereka boleh mengisikan borang maklumat 'IBU' dan '4P'.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah melalui tiga kitaran Kajian Pengajaran dan dua kali pengubahsuaian dilakukan kepada strategi-strategi tersebut. Berikut adalah dapatan interim, berdasarkan perbandingan markah komponen lisan SA1 2013 dan SA2 2013. Dapatan dan pencapaian kitaran dua bagi SA1 2014, belum didapati semasa kertas ini dicetak.

Jadual 1: Perbandingan Markah Murid

	Pusingan 1		Pusingan 2		Pusingan 3	
	Darjah 6		Darjah 5		Darjah 4	
Julat Markah	SA1 2013	SA2 2013	SA1 2013	SA2 2013	SA1 2013	SA2 2013
0-2 markah	10%	9%	10%	10%	0%	0%
3-4 markah	18%	36%	7%	21%	17%	11%
5-7 markah	63%	45%	52%	52%	83%	89%
8-10 markah	9%	10%	31%	17%	0%	0%

Berdasarkan data di atas, pengubahsuaian kepada strategi-strategi tersebut telah menunjukkan keberkesanan dan peningkatan dalam jawapan-jawapan murid-murid.

Dapatan daripada maklum balas dan pengamatan daripada para guru pula ialah seperti berikut:

- 90% daripada murid-murid dari darjah 4 hingga darjah 6 mampu mengembangkan idea masing-masing. Jumlah pelajar yang memberi *one-liner answers* berkurangan.
- Murid-murid menunjukkan pemahaman tentang penggunaan strategi-strategi 'IBU' dan '4P' dan ini dapat dilihat daripada cara mereka menjawab soalan lisan yang lebih berstruktur dan berisi jika dibandingkan dengan SA1.

Namun, para guru juga berpendapat bahawa murid-murid masih mempunyai masalah bertutur dan menyampaikan idea dalam Bahasa Melayu dengan baik. Ini berkemungkinan berlaku disebabkan kosa kata murid-murid terhad dan ini telah menjejaskan jawapan yang diberikan sewaktu peperiksaan lisan.

KESIMPULAN

Strategi-strategi 'IBU' dan '4P' ini telah membantu murid-murid Sekolah Rendah Cedar menstruktur idea-idea mereka secara bertautan. Murid-murid lebih mampu untuk mengembangkan idea-idea dan pendapat mereka.

Melalui *Professional Learning Circle* ini, guru-guru di Sekolah Rendah Cedar dapat meningkatkan pembangunan profesional mereka dan dapat bekerjasama secara kolaboratif dan menganalisis data-data yang didapati secara terperinci agar dapat terus memperbaiki pedagogi mereka. Dapatan daripada analisis-analisis ini membantu guru-guru mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid dan ini dapat membantu guru menjadi pendidik yang lebih berkesan.

Nota:

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini.

1. Nurain Mohd Salleh

RUJUKAN

Palmer, E (2011). *Well Spoken. Teaching Speaking to All Children*, USA; Stenhouse

Publishers.

Seman Salleh. (2005). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Ph. D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod (2012). Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu. Tanjong Malim; Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

Vygotsky, L. (1978). Interaction between learning and development. From: *Mind and Society* (pp. 79-91). Cambridge, MA: Harvard University Press.

SUMBER ELEKTRONIK

<http://www.nclrc.org/essentials/speaking/stratspeak.htm>